

Sarawak bincang UPM tubuh Pusat Veterinar

KUCHING: Sarawak merancang menubuhkan Pusat Perubatan Veterinar dalam usaha bagi membanteras peningkatan kes rabies yang membimbangkan, kata Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom.

Jelasnya, perbincangan kini giat diadakan perbincangan bersama Universiti Putra Malaysia (UPM) di Sarawak selaras dengan Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS) 2030.

“Sarawak kini dalam perancangan dan perbincangan ingin mempunyai Pusat Perubatan Veterinar di Universiti Putra Malaysia (UPM) di Sarawak.

“Justeru, saya dan pihak kementerian akan memberi sokongan sepenuhnya kerana ini adalah sesuatu yang kita lakukan selaras dengan PCDS 2030.

Sehingga kini katanya, kes-kes berkaitan wabak rabies masih lagi mencatatkan peningkatan di negeri Sarawak.